


Headline	Tarikan ratusan kuntum bunga		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	27 Oct 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	788 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,520
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,559



Tarikan ratusan kuntum bunga

Landskap menarik di Taman Mini Ajaib jadi tumpuan baharu di Tangkak

Perubahan konsep yang lebih menarik pastinya mencuri tumpuan orang ramai sebaik melintasi Taman Mini Ajaib di kawasan Taman Rekreasi Bunga Raya.

Jika dahulu, kawasan riadah seluas hampir 1.4 hektar berusia lebih 10 tahun itu hanya dihiasi landskap ringkas, namun kini ia berubah wajah selepas siapnya Taman Mini Ajaib sejak lebih dua minggu lalu.

Yang Dipertua Majlis Daerah Tangkak (MDT), Ezahar Abu Sairan berkata, Taman Mini Ajaib itu dihiasi ratusan kuntum bunga pelbagai warna yang ditanam bagi mengindahkan lagi lokasi tumpuan orang ramai berkenaan.

Menurutnya, ia adalah cetsan idea daripada Ahli Parlimen Ledang, Datuk Ir Hamim Samuri pada Mac tahun lalu bagi menambah baik keadaan landskap di Laman Bunga Raya dan Laman Ledang yang terletak bersebelahan Masjid Jamek Tangkak.

"Schubungan itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) diminta untuk mencadangkan reka bentuk, susun atur dan jenis-jenis pokok atau tanaman yang sesuai untuk ditambah dan ditanam di kedua-dua laman berkenaan.

"Malah pihak Frim turut diminta menyediakan anggaran



Replika 'Love Ledang Tangkak' menyerikan lagi persekitaran Taman Mini Ajaib.



EZHAR



NUR QAMARINA

Hiasan unik naikkan identiti daerah

Selain dihiasi pokok-pokok bunga, kepelbagaian struktur dirian menonjolkan lagi elemen hiasan yang menarik dan unik di taman berkenaan.

Ezahar berkata, antara struktur peragaan yang disediakan termasuklah gerbang mini, arca berbentuk basikal dan kereta sorong, pasu limpah serta laluan taman.

"Selain itu, replika berbentuk Love-Ledang Tangkak juga dibina bagi mewujudkan unsur ikonik baharu di daerah ini," katanya.

Menurutnya, pemilihan spesies tanaman yang bersesuaian terutamanya tumbuhan renek berbunga bertujuan memberikan impak warna kepada kedua-dua laman berkenaan juga menjadi keutamaan.

"Penggunaan pokok-pokok topiari, pokok berpasu dan pokok

lidah kucing," katanya.

Pengunjung teruja

Seorang pengunjung, Nur Qamarina Roslan, 18, berkata, kewujudan Taman Mini Ajaib memberi keterujaan kepada mereka sekali gus menjadikan tempat riadah itu sebagai tarikan baharu penduduk.

"Di Tangkak memang banyak tempat menarik, namun kami tidak mempunyai satu taman yang indah untuk bersantai atau merakamkan kenangan.

"Jadi pembinaan Taman Mini Ajaib ini begitu tepat sekali kerana selain boleh menjalankan aktiviti riadah, kawasan ini turut dilengkapi taman permainan untuk kanak-kanak selain dihiasi ratusan kuntuman bunga yang menyejukkan pandangan mata," katanya.

Dia yakin taman berkenaan berupaya menarik perhatian pengunjung luar selain tarikan Air Terjun Gunung Ledang ataupun membeli-belah kain di bandar Tangkak yang sememangnya cukup popular di daerah ini.

pagaran dengan rupa bentuk yang seragam dan pelbagai merupakan satu keperluan dalam membentuk taman ini.

"Antara pokok dan spesies tumbuhan yang digunakan termasuklah pokok renek berbunga yang merangkumi bunga kertas, *amazon blue*, *petunia*, ros jepun, *reulia* dan



Pemandangan Taman Mini Ajaib sebelum ia berubah wajah.



Hamim menyiram pokok sebagai simbolik perasmian pembukaan Taman Mini Ajaib.



Pelbagai struktur peragaan menjadikan Taman Mini Ajaib pilihan orang ramai untuk bersantai mahupun merakamkan gambar.

